



بانچي قندودوق دان قرومهن
**BANCI PENDUDUK
dan PERUMAHAN 2021**
Pastikan awda dihitung untuk masa depan kitani

LAPORAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021: GIRI-GIRI AKTIVITI EKONOMI

Population and Housing Census (BPP) 2021 Report: Economic Activity Characteristics



JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

 deps.mofe.gov.bn

 www.brucensus.gov.bn

 [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)

Kata Pengantar



Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 adalah banci keenam dalam siri banci penduduk sejak tahun 1971. BPP 2021 telah dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bermula Januari hingga Disember 2021.

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021: Ciri-ciri Aktiviti Ekonomi ini memaparkan data mengenai aktiviti ekonomi penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 dengan memberikan maklumat berkaitan taraf aktiviti penduduk, kadar penyertaan tenaga kerja, taraf pekerjaan, jenis pekerjaan, industri, sektor pekerjaan, pendapatan dari pekerjaan, pengangguran dan juga penduduk di luar tenaga kerja.

BPP merupakan sumber maklumat yang penting mengenai aspek penduduk Negara Brunei Darussalam yang mana BPP 2021 akan menjadi asas untuk kemaskini demografi penduduk Negara Brunei Darussalam 2017 hingga 2021 dan menggantikan data keluaran Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Tahun 2021 yang telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2021.

Pelaksanaan BPP 2021 telah menggunakan pembaharuan dengan penggunaan pendekatan atas talian sebagai kaedah tambahan bagi membolehkan penduduk dihitung melalui pengisian banci di laman sesawang (Brucensus). Pengumpulan data juga telah diubahsuai prosedur banci terutamanya bagi peringkat ketiga sebelumnya Temuduga Bersemuka kepada Temuduga Melalui Telefon dengan mengambilkira langkah-langkah perlindungan kesihatan penduduk dalam mengekang penularan wabak COVID-19. Soalan-soalan BPP 2021 juga telah melalui proses perundingan dengan keperluan kementerian-kementerian dan juga keperluan antarabangsa termasuk *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Hasil Banci dapat dikeluarkan lebih awal berbanding banci sebelumnya dengan masih memastikan kualiti data terjamin, dari kaedah pembaharuan ini.

Saya berharap penerbitan ini akan dapat memenuhi keperluan pelbagai pengguna di negara ini bagi maksud perancangan, penyelidikan, pengubalan dasar dan sebagai bahan rujukan awam. Saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan sektor swasta yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada Jabatan ini semasa banci dijalankan. Seterusnya saya juga sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat dan penduduk di negara ini atas kerjasama dalam memberikan maklumat yang dikehendaki kepada pegawai-pegawai banci yang terlibat. Saya yakin hasil BPP 2021 ini akan memberikan perangkaan yang komprehensif dan berguna bagi perancangan sosio-ekonomi negara.

HAIROL NIZAM BIN HAJI ABD HAMID

Pemangku Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Negara Brunei Darussalam

September 2023

Foreword



The Population and Housing Census (BPP) 2021 is the sixth census in the population census series since 1971. BPP 2021 was conducted by the Department of Economic Planning and Statistics, Ministry of Finance and Economy, from January to December 2021.

*This **Report of the Population and Housing Census (BPP) 2021: Economic Activity Characteristics** presents the data on the economic activity of the population of Brunei Darussalam in 2021, which provides information on the activity status of the population, labour force participation rates, employment status, occupation, industry, sector of employment, income from work, unemployment as well as inactive population.*

BPP is an essential source of information on the Brunei Darussalam population, in which BPP 2021 will be the basis for updating the demographics of the population of Brunei Darussalam from 2017 to 2021 and superseding the data in the Report of the Preliminary Count of Total Population 2021 released in October 2021.

The BPP 2021 adopted an online approach, as an additional method, to allow the population to complete the census via the website (Brucensus). Data collection has also been modified, especially in the third stage, from face-to-face interviews to telephone interviews, taking into account measures to protect the population's health in curbing the spread of the COVID-19 epidemic. In addition, the questions were designed according to the ministries and international needs, including the Sustainable Development Goals (SDGs). With the reform, the department is able to release the BPP 2021 results earlier than the previous census while maintaining data quality.

I hope this publication will meet the needs of various users for planning, research, and policymaking, as well as for public reference. I would like to record my great appreciation to the ministries, departments and the private sector for their support and cooperation with this department during the census. I would also like to thank all citizens and residents in the country for their cooperation in providing the information to the census officers. I am confident that the BPP 2021 results will provide comprehensive and valuable statistics for the use of socio-economic planning of the country.

HAIROL NIZAM BIN HAJI ABD HAMID

Acting Director General

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Brunei Darussalam

September 2023

Isi Kandungan


Contents

	Muka Surat Page
KATA PENGANTAR <i>FOREWORD</i>	i - ii
ISI KANDUNGAN <i>CONTENTS</i>	iii
RINGKASAN EKSEKUTIF <i>EXECUTIVE SUMMARY</i>	1 44
1 AKTIVITI EKONOMI <i>ECONOMIC ACTIVITY</i>	4 47
2 PENDUDUK BEKERJA <i>EMPLOYED POPULATION</i>	10 53
3 PENGANGGURAN <i>UNEMPLOYMENT</i>	29 72
4 DI LUAR TENAGA KERJA <i>OUTSIDE LABOUR FORCE</i>	32 75
NOTA TEKNIKAL <i>TECHNICAL NOTES</i>	35 78
KONSEP DAN DEFINISI <i>CONCEPTS AND DEFINITIONS</i>	37 80
ANNEX <i>ANNEXES</i>	86 - 288
BORANGTANYA BANCI <i>CENSUS QUESTIONNAIRE</i>	



Rangka Kerja Tenaga Kerja, Brunei Darussalam, 2011 & 2021

Bilangan (Orang)




Kadar Penyertaan Tenaga Kerja (LFPR)
2011 = 68.9%
2021 = 63.9%

Nisbah Pekerjaan Terhadap Penduduk
2011 = 62.5%
2021 = 60.8%


Kadar Pengangguran (UER)
2011 = 9.3%
2021 = 5.0%



Tren Pasaran Tenaga Kerja



Tren Pasaran Tenaga Kerja





PENDUDUK BEKERJA

212,842 Orang

Jantina (orang)

Lelaki



127,446
59.9%

Perempuan



85,396
40.1%

Taraf Pekerjaan (orang)

201,279
94.6%




Pekerja

Bekerja Sendiri

Majikan

Pekerja Keluarga

Taraf Penduduk (orang)



150,656
70.8%
Penduduk Tempatan

62,186
29.2%
Penduduk Sementara

Kumpulan Umur (orang)

434
0.2%



15-17

21,584
10.1%



18-24

73,874
34.7%



25-35

112,165
52.7%




36-59

4,785
2.2%




60+


Pekerjaan 3 Teratas (orang)




Industri 3 Teratas (orang)



Pendapatan dari Pekerjaan (orang)



Kaedah Pengangkutan ke tempat kerja (orang)





PENGANGGURAN

Jantina
(orang)

11,086 Orang

Daerah
(orang)

Lelaki



Perempuan



5,377
48.5%

5,709
51.5%

7,965
71.8%

Brunei Muara

1,415
12.8%

Tutong

1,309
11.8%

Belait

397

3.6%
Temburong

Kumpulan Umur
(orang)

293
2.6%



15-17

4,082
36.8%



18-24

4,399
39.7%



25-35

2,262
20.4%



36-59

50
0.5%



60+

Taraf Penduduk
(orang)



10,573
95.4%
Penduduk
Tempatan




513
4.6%
Penduduk
Sementara


DI LUAR TENAGA KERJA

126,411 Orang

Kumpulan Umur
(orang)




Sebab di Luar Tenaga Kerja
(orang)






Bekerja mengikut Pekerjaan (orang)



Pekerjaan	Tempatan	Sementara
1 Pengurus dan Pegawai Kanan	10,518 7.0%	2,650 4.3%
2 Profesional	28,032 18.6%	4,148 6.7%
3 Juruteknik dan Profesional Bersekutu	19,569 13.0%	4,475 7.2%
4 Pekerja Sokongan Perkeranian	21,895 14.5%	1,181 1.9%
5 Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	46,283 30.7%	12,799 20.6%
6 Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	638 0.4%	505 0.8%
7 Pekerja Kemahiran dan Pertukangan yang Berkaitan	7,647 5.1%	8,780 14.1%
8 Operator Loji dan Mesin dan Pekerja Pemasangan	4,564 3.0%	3,624 5.8%
9 Pekerjaan Asas	11,510 7.8%	24,024 38.6%
JUMLAH	150,656 100.0%	62,186 100.0%

Industri	Tempatan	Sementara
1 Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,142 0.8%	1,546 2.5%
2 Perlombongan dan Pengkuarian	9,458 6.3%	1,405 2.3%
3 Pembuatan	5,553 3.7%	5,683 9.1%
4 Bekalan Elektrik, Gas, Air dan Lain-lain Aktiviti Industri	1,898 1.3%	307 0.5%
5 Pembinaan	4,913 3.3%	13,614 21.9%
6 Perdagangan Borong dan Runcit	19,694 13.1%	11,634 18.7%
7 Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan	9,537 6.3%	6,609 10.6%
8 Pengangkutan dan Penyimpanan	5,239 3.5%	1,366 2.2%
9 Maklumat dan Perhubungan	4,517 3.0%	489 0.8%
10 Aktiviti Kewangan dan Insuran	4,612 3.1%	128 0.2%
11 Aktiviti Hartanah	902 0.6%	168 0.3%
12 Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Sokongan	12,533 8.3%	4,306 6.9%
13 Perkhidmatan Awam dan Pertahanan	49,101 32.6%	1,992 3.2%
14 Pendidikan	13,338 8.9%	1,509 2.4%
15 Aktiviti Kesihatan dan Kerja Sosial	4,995 3.3%	781 1.3%
16 Lain-lain Aktiviti Perkhidmatan	3,123 2.1%	1,979 3.2%
17 Aktiviti Isirumah sebagai Majikan	101 0.1%	8,670 13.9%
JUMLAH	150,656 100.0%	62,186 100.0%

Bekerja mengikut Industri (orang)





Ringkasan Eksekutif

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengendalikan **Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021** bermula dari bulan Januari hingga Disember 2021. BPP 2021 ialah banci keenam seumpamanya dikendalikan di negara ini. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 1971, 1981, 1991, 2001 dan 2011. BPP 2021 meliputi semua tempat kediaman dan keluarga atau isirumah di Negara Brunei Darussalam. Ia dilaksanakan secara *de jure*, di mana semua orang, sama ada Rakyat Negara Brunei Darussalam, Penduduk Tetap atau Penduduk Sementara, yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isirumah bagi tempoh enam bulan atau lebih pada tahun 2021 dan dihitng mengikut tempat tinggal biasa mereka.

BPP 2021 mengumpulkan pelbagai maklumat tentang ciri-ciri demografi, sosial, ekonomi dan perumahan penduduk Negara Brunei Darussalam. Selain menyediakan profil yang komprehensif mengenai penduduk, data BPP 2021 boleh dibandingkan dengan maklumat yang sama yang telah dikumpulkan dalam banci-banci terdahulu untuk menunjukkan bagaimana keadaan penduduk telah berubah mengikut peredaran masa.

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2021: Ciri-Ciri Aktiviti Ekonomi ini menerangkan mengenai aktiviti ekonomi penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 dengan memberikan maklumat berkaitan taraf aktiviti penduduk, kadar penyertaan tenaga kerja, taraf pekerjaan, jenis pekerjaan, industri, sektor pekerjaan, pendapatan dari pekerjaan, pengangguran dan juga penduduk di luar tenaga kerja.

Aktiviti Ekonomi

Pada Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021, jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam dalam kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas adalah seramai 350,339 orang. Daripada jumlah ini, 223,928 orang penduduk aktif dalam ekonomi atau di dalam tenaga kerja berbanding dengan 202,530 orang pada tahun 2011. Ini menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.0 peratus dalam tempoh antara banci 2011-2021 berbanding 2.5 peratus dalam tempoh 2001-2011. Sementara itu, penduduk tidak aktif dalam ekonomi atau di luar tenaga kerja meningkat sebanyak 3.2 peratus secara purata setahun daripada 91,407 orang pada tahun 2011 kepada 126,411 orang pada tahun 2021.



Kadar Penyertaan Tenaga Kerja

Kadar penyertaan tenaga kerja mencatatkan tren yang menurun daripada 68.9 peratus pada 2011 kepada 63.9 peratus pada 2021. Kadar penyertaan tenaga kerja lelaki adalah lebih tinggi daripada perempuan masing-masing sebanyak 71.7 peratus dan 55.2 peratus.

Penduduk Bekerja

Jumlah penduduk bekerja berumur 15 tahun dan ke atas pada 2021 adalah sebanyak 212,842 orang berbanding dengan 183,715 orang pada 2011. Ini menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.5 peratus dalam tempoh 2011-2021, lebih rendah daripada 2.3 peratus yang dicatatkan semasa tempoh 2001-2011. Jumlah penduduk bekerja ini terdiri daripada 127,446 orang lelaki (59.9 peratus) dan 85,396 orang perempuan (40.1 peratus).

Agihan terbesar penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan adalah pekerja sebanyak 94.6 peratus (201,279 orang). Ini diikuti oleh mereka yang bekerja sendiri (2.8 peratus atau 5,864 orang), majikan (2.4 peratus atau 5,212 orang), dan pekerja perusahaan keluarga atau isirumah (0.2 peratus atau 487 orang).

Mengikut jenis pekerjaan, pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar dengan 27.8 peratus (59,082 orang) pada tahun 2021, diikuti oleh pekerja dalam pekerjaan asas (16.7 peratus atau 35,534 orang) dan profesional (15.1 peratus atau 32,180 orang).

Sektor perkhidmatan awam mencatatkan jumlah penduduk bekerja yang terbesar iaitu 51,093 orang (24.0 peratus). Ini diikuti oleh perdagangan borong dan runcit (31,328 orang atau 14.7 peratus) dan pembinaan (18,527 orang atau 8.7 peratus).

Nisbah pekerjaan sektor awam kepada sektor swasta ialah kira-kira 30:70 pada tahun 2021. Daripada jumlah penduduk tempatan yang bekerja, sebanyak 56.0 peratus (84,420 orang) bekerja di sektor swasta dan selebihnya 44.0 peratus bekerja di sektor awam (66,236 orang). Tren menunjukkan semakin ramai pekerja tempatan mengambil pekerjaan di sektor swasta, di mana bilangannya meningkat sebanyak 5.1 peratus setahun secara purata dari 50,447 orang pada tahun 2011 kepada 84,420 orang pada tahun 2021. Manakala, jumlah pekerja asing yang bekerja di sektor swasta menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus setahun daripada 56.3 peratus pada 2011 kepada 41.3 peratus pada tahun 2021.



Pada tahun 2021, purata pendapatan kasar bulanan dari pekerjaan adalah BND1,549 bagi setiap penduduk bekerja berbanding BND1,611 pada tahun 2011. Pekerja tempatan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi iaitu BND1,746 secara purata, berbanding BND1,071 bagi penduduk sementara.

Pengangguran

Pada tahun 2021, jumlah penduduk menganggur berumur 15 tahun dan ke atas adalah 11,086 orang, berbanding dengan 18,815 orang pada tahun 2011. Kadar pengangguran menunjukkan penurunan daripada 9.3 peratus pada tahun 2011 kepada 5.0 peratus pada tahun 2021.

Di Luar Tenaga Kerja

Penduduk tidak aktif dalam ekonomi atau di luar tenaga kerja berumur 15 tahun dan ke atas pada tahun 2021 adalah 126,411 orang, meningkat daripada 91,407 orang pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, lebih daripada separuh (58.5 peratus atau 74,007 orang) adalah perempuan.

Di antara penduduk di luar tenaga kerja adalah mereka yang telah bersara atau sudah berusia, menyumbang bahagian terbesar sebanyak 35.8 peratus (45,203 orang). Ini diikuti oleh penuntut yang masih dalam pengajian atau menghadiri kursus (29.8 peratus atau 37,641 orang), mereka yang mempunyai tanggungjawab keluarga atau isirumah termasuk suri rumah (19.6 peratus atau 24,798 orang) dan lain-lain (14.8 peratus atau 18,769 orang).



1 Aktiviti Ekonomi

1.1 Rangka kerja Tenaga Kerja (*Labour Force Framework*)

Berpandukan dengan konsep rangka kerja yang disarankan oleh pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organisation, ILO*), penduduk kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas dibahagikan kepada dua kumpulan utama mengikut status aktiviti ekonomi, iaitu penduduk aktif dalam ekonomi atau dikenali sebagai di dalam tenaga kerja (*labour force*) dan penduduk tidak aktif dalam ekonomi atau di luar tenaga kerja (*outside labour force*).

Tenaga kerja diklasifikasikan sebagai penduduk bekerja (*employed population*) dan penduduk tidak bekerja tetapi aktif mencari perkerjaan (penganggur) atau *unemployed*.

Manakala, penduduk di luar tenaga kerja (*outside labour force*) mengandungi penduduk tidak bekerja atau tidak mencari pekerjaan, contohnya, penuntut, suri rumah, pesara dan orang yang tidak bekerja tetapi menerima pendapatan dari sumber-sumber lain.


1.2 Tenaga Kerja

Pada tahun 2021, jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam dalam kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas adalah seramai 350,339 orang. Daripada jumlah ini, tenaga kerja adalah sebanyak 223,928 orang berbanding dengan 202,530 orang pada tahun 2011 (**Carta 1.1**). Ini menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.0 peratus dalam tempoh 2011-2021 berbanding 2.5 peratus dalam tempoh 2001-2011.

Sementara itu, penduduk di luar tenaga kerja meningkat sebanyak 3.2 peratus secara purata setahun daripada 91,407 orang pada tahun 2011 kepada 126,411 orang pada tahun 2021.



Carta 1.1: Taraf aktiviti ekonomi penduduk 15 tahun dan ke atas




Tenaga kerja mengikut taburan jantina menunjukkan bahawa lelaki menyumbang lebih daripada separuh (59.3 peratus) daripada jumlah tenaga kerja, berbanding dengan jumlah perempuan yang hanya menyumbang kepada kira-kira 40 peratus (**Carta 1.2**).

Dari aspek taraf penduduk, kira-kira tiga perempat (72.0 peratus atau 161,229 orang) daripada jumlah penduduk tenaga kerja adalah penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap). Selebihnya, 28.0 peratus (62,699 orang) adalah merupakan Penduduk Sementara.



Carta 1.2: Tenaga kerja mengikut jantina dan taraf penduduk, 1991-2021




1.3 Kadar Penyertaan Tenaga Kerja

Jumlah tenaga kerja kepada jumlah penduduk kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas dirujuk sebagai kadar penyertaan tenaga kerja, menunjukkan penurunan daripada 68.9 peratus pada tahun 2011 kepada 63.9 peratus pada tahun 2021 (**Carta 1.3**).




Carta 1.3: Kadar penyertaan tenaga kerja, 1991-2021



Seperti banci-banci dahulu, kadar penyertaan tenaga kerja lelaki adalah lebih tinggi daripada perempuan. Pada tahun 2021, kadar penyertaan tenaga kerja lelaki dan perempuan masing-masing adalah sebanyak 71.7 peratus dan 55.2 peratus (**Carta 1.4**).

Carta 1.4: Kadar penyertaan tenaga kerja mengikut jantina, 1991-2021



Dari aspek taburan umur, kadar penyertaan tenaga kerja lelaki adalah lebih tinggi daripada perempuan bagi semua kumpulan umur, sama seperti yang dicatatkan dalam banci yang terdahulu. Antara tahun 2011 dan 2021, kadar penyertaan kedua-dua lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan bagi peringkat umur antara 55-59 tahun, tetapi telah menurun bagi umur yang lebih muda di antara 15-24 tahun (**Carta 1.5**).




Carta 1.5: Kadar penyertaan tenaga kerja mengikut kumpulan umur dan jantina, 1991-2021





Mengikut taraf penduduk, kadar penyertaan tenaga kerja bagi Penduduk Sementara adalah lebih tinggi daripada penduduk tempatan, masing-masing sebanyak 84.9 peratus dan 58.3 peratus. Ini menunjukkan bahawa majoriti Penduduk Sementara datang ke Negara ini untuk tujuan pekerjaan. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan tenaga kerja bagi kedua-dua penduduk tempatan dan Penduduk Sementara menurun daripada 61.7 peratus dan 89.2 peratus pada tahun 2011 kepada 58.3 peratus dan 84.9 peratus pada tahun 2021 (**Carta 1.6**).

Carta 1.6: Kadar penyertaan tenaga kerja mengikut taraf penduduk, 1991-2021






2 Penduduk Bekerja

2.1 Profil Penduduk Bekerja

Jumlah penduduk bekerja berumur 15 tahun dan ke atas pada tahun 2021 adalah sebanyak 212,842 orang berbanding dengan 183,715 orang pada tahun 2011. Ini terdiri daripada 127,446 orang lelaki (59.9 peratus) dan 85,396 orang perempuan (40.1 peratus). Dalam tempoh antara banci 2011-2021, kadar pertumbuhan purata tahunan adalah sebanyak 1.5 peratus, lebih rendah daripada 2.3 peratus yang dicatatkan semasa tempoh 2001-2011 (Carta 2.1).

Carta 2.1: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut jantina dan taraf penduduk, 1991-2021





Daripada jumlah penduduk bekerja, penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap) merupakan bahagian terbesar sebanyak 70.8 peratus (150,656 orang), manakala agihan Penduduk Sementara atau pekerja asing adalah sebanyak 29.2 peratus (62,186 orang).

Penduduk tempatan mencatatkan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.6 peratus dalam tempoh 2011-2021 berbanding dengan 3.9 peratus dalam tempoh 2001-2011. Manakala, bagi Penduduk Sementara yang bekerja, purata kadar pertumbuhan tahunan telah menurun sebanyak 0.8 peratus setahun dari tahun 2011-2021. Ini adalah berikutan sekatan kemasukan pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam semasa pandemik COVID-19, di mana pekerja asing baharu yang dibenarkan untuk masuk ke Negara ini adalah dalam bilangan yang terhad bagi sektor atau pekerjaan tertentu sahaja. Selain itu sebilangan pekerja asing juga telah keluar meninggalkan Negara ini disebabkan tamat kontrak dan sebagainya.


Dari segi taburan umur, 29.8 peratus (44,892 orang) daripada penduduk bekerja tempatan pada tahun 2021 adalah di bawah umur 30 tahun, lebih rendah dari 32.5 peratus (37,693 orang) pada tahun 2011. Manakala, agihan penduduk bekerja berumur 55 tahun dan ke atas pada tahun 2021 adalah 8.0 peratus (12,101 orang), berbanding 5.4 peratus (6,300 orang) pada tahun 2011. Ini mencerminkan umur persaraan baru 60 tahun bagi penduduk tempatan yang berkuatkuasa pada tahun 2010 (**Carta 2.2**).

Bagi Penduduk Sementara, sebanyak 4.6 peratus (2,867 orang) daripada jumlah penduduk bekerja pada tahun 2021 adalah berumur 15-24 tahun. Manakala, penduduk berumur 25-64 tahun dan 65 tahun dan ke atas masing-masing adalah sebanyak 94.6 peratus (58,859 orang) dan 0.7 peratus (460 orang).

Umur penengah penduduk bekerja pada tahun 2021 ialah 37 tahun, berbanding 34 tahun pada tahun 2011.



Carta 2.2: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut taraf penduduk dan kumpulan umur, 2011 dan 2021



Kumpulan Umur	2011			2021		
	Jumlah	Penduduk Tempatan	Penduduk Sementara	Jumlah	Penduduk Tempatan	Penduduk Sementara
15-19	2,868	2,342	526	3,316	3,280	36
20-24	21,622	14,580	7,042	18,702	15,871	2,831
25-29	32,455	20,771	11,684	32,880	25,741	7,139
30-34	31,345	18,780	12,565	34,213	25,084	9,129
35-39	28,334	15,696	12,638	32,526	21,845	10,681
40-44	24,672	14,104	10,568	28,697	18,074	10,623
45-49	19,471	12,575	6,896	25,317	15,442	9,875
50-54	14,708	10,869	3,839	20,219	13,218	7,001
55-59	5,478	4,059	1,419	12,187	8,823	3,364
60-64	1,706	1,318	388	2,967	1,920	1,047
65 dan ke atas	1,056	923	133	1,818	1,358	460
Jumlah	183,715	116,017	67,698	212,842	150,656	62,186

Taburan (%)


15-19	1.6	2.0	0.8	1.6	2.2	0.1
20-24	11.8	12.6	10.4	8.8	10.5	4.6
25-29	17.7	17.9	17.3	15.4	17.1	11.5
30-34	17.1	16.2	18.6	16.1	16.6	14.7
35-39	15.4	13.5	18.7	15.3	14.5	17.2
40-44	13.4	12.2	15.6	13.5	12.0	17.1
45-49	10.6	10.8	10.2	11.9	10.2	15.9
50-54	8.0	9.4	5.7	9.5	8.8	11.3
55-59	3.0	3.5	2.1	5.7	5.9	5.4
60-64	0.9	1.1	0.6	1.4	1.3	1.7
65 dan ke atas	0.6	0.8	0.2	0.9	0.9	0.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0



2.2 Taraf Pekerjaan

Taburan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan menunjukkan bahawa bahagian terbesar dengan 94.6 peratus (201,279 orang) adalah pekerja. Ini diikuti oleh bekerja sendiri (2.8 peratus atau 5,864 orang), majikan (2.4 peratus atau 5,212 orang) dan pekerja perusahaan keluarga atau isirumah (0.2 peratus atau 487 orang) (**Carta 2.3**).

Carta 2.3: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut taraf pekerjaan, 2021




Dalam tempoh 2011-2021, majikan mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 2.8 peratus. Pekerja dan bekerja sendiri juga menunjukkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 1.5 peratus dan 0.9 peratus. Sebaliknya, pekerja perusahaan keluarga atau isirumah mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus.



2.3 Pekerjaan

Taburan penduduk bekerja mengikut pekerjaan menunjukkan bahawa pekerja perkhidmatan dan jualan merupakan agihan terbesar dengan 27.8 peratus (59,082 orang) pada tahun 2021, diikuti 16.7 peratus pekerja dalam pekerjaan asas (35,534 orang), dan 15.1 peratus profesional (31,180 orang) (Carta 2.4).

Carta 2.4: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan pekerjaan dan jantina, 2021






Di antara tempoh 2011-2021, pekerjaan perkhidmatan dan jualan mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 3.6 peratus setahun, diikuti oleh pengurus dan pegawai kanan sebanyak 3.2 peratus. Sebaliknya, pekerja mahir dalam pertanian, perhutanan dan perikanan mencatatkan penurunan sebanyak 1.9 peratus dan pekerjaan asas sebanyak 0.9 peratus setahun.

Pekerjaan teratas pada tahun 2021 bagi lelaki dan perempuan adalah pekerja perkhidmatan dan jualan, masing-masing dengan 29.7 peratus (37,839 orang) dan 24.9 peratus (21,243 orang).

Di kalangan penduduk tempatan, pekerja perkhidmatan dan jualan mempunyai agihan terbesar sebanyak 30.7 peratus (46,283 orang) (**Carta 2.5**). Sebaliknya, majoriti Penduduk Sementara bekerja dalam pekerjaan asas (38.6 peratus atau 24,024 orang).



Carta 2.5: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan pekerjaan dan taraf penduduk, 2021





2.4 Industri


Pada tahun 2021, taburan mengikut industri menunjukkan bahawa perkhidmatan awam mencatatkan jumlah penduduk bekerja yang terbesar iaitu kira-kira satu perempat daripada jumlah penduduk bekerja (51,093 orang atau 24.0 peratus). Ini diikuti 14.7 peratus perdagangan borong dan runcit (31,328 orang) dan 8.7 peratus pembinaan (18,527 orang) **(Carta 2.6)**.

Di antara tempoh 2011-2021, kumpulan industri aktiviti hartanah mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 8.9 peratus, diikuti oleh perlombongan dan pengkuarian sebanyak 4.9 peratus dan pembuatan sebanyak 4.2 peratus setahun. Sebaliknya, aktiviti isirumah sebagai majikan mencatatkan penurunan sebanyak 6.1 peratus setahun.

Pada tahun 2021, dalam kebanyakan kumpulan industri, terdapat lebih ramai pekerja lelaki dari perempuan, dalam pembinaan (88.8 peratus) dan pertanian, perhutanan dan perikanan (85.9 peratus). Kumpulan industri yang mengambil lebih ramai pekerja perempuan daripada lelaki antaranya adalah aktiviti isirumah sebagai majikan (85.5 peratus) dan pendidikan (70.2 peratus).



Carta 2.6: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan industri dan jantina, 2021






Di kalangan pekerja tempatan, sebanyak 32.6 peratus (49,101 orang) bekerja dalam perkhidmatan awam (**Carta 2.7**). Perdagangan borong dan runcit adalah industri kedua terbesar (13.1 peratus atau 19,694 orang), diikuti pendidikan (8.9 peratus atau 13,338 orang).

Agihan terbesar bagi penduduk bekerja tempatan lelaki dan perempuan adalah dalam perkhidmatan awam, masing-masing dengan 36.1 peratus (29,984 orang) dan 28.2 peratus (19,117 orang). Industri kedua terbesar bagi penduduk bekerja tempatan lelaki dan perempuan adalah industri perdagangan borong dan runcit, masing-masing dengan 11.6 peratus (9,623 orang) dan 14.9 peratus (10,071 orang).

Jumlah Penduduk Sementara atau pekerja asing adalah seramai 62,186 orang. Daripada jumlah ini, lebih dari satu pertiga terdiri dari lelaki yang bekerja dalam pembinaan (29.7 peratus atau 13,199 orang) dan 42.0 peratus (7,446 orang) perempuan diambil bekerja oleh isirumah persendirian. Terdapat lebih ramai pekerja asing berbanding dengan tempatan bekerja di sektor pembinaan.



Carta 2.7: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan industri, taraf penduduk dan jantina, 2011 dan 2021





Carta 2.7: Jumlah dan taburan penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut industri, taraf penduduk dan jantina, 2011 dan 2021 (sambungan)

Kumpulan Industri	Taburan (%)					
	2011			2021		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Penduduk Tempatan	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
1 Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1.0	1.3	0.5	0.8	1.0	0.5
2 Perlombongan dan Pengkuarian	4.7	5.9	3.1	6.3	8.2	4.0
3 Pembuatan	2.2	1.8	2.7	3.7	3.7	3.6
4 Bekalan Elektrik, Gas, Air dan Lain-lain Aktiviti Industri	2.0	2.6	1.3	1.3	1.7	0.8
5 Pembinaan	2.9	3.4	2.2	3.3	3.9	2.5
6 Perdagangan Borong dan Runcit	10.5	9.3	12.0	13.1	11.6	14.9
7 Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan	4.2	3.5	5.0	6.3	5.6	7.2
8 Pengangkutan dan Perhubungan	3.2	4.0	2.2	3.5	4.2	2.5
9 Information and Communication	2.9	2.9	2.8	3.0	3.0	3.0
10 Aktiviti Kewangan dan Insuran	3.1	2.2	4.2	3.1	2.4	3.9
11 Aktiviti Hartanah dan Bisnes	0.3	0.3	0.3	0.6	0.6	0.6
12 Professional, Technical, Administrative and Support Services	6.8	8.2	4.8	8.3	9.7	6.6
13 Perkhidmatan Awam	38.9	44.7	31.4	32.6	36.1	28.2
14 Pendidikan	12.0	6.2	19.6	8.9	4.5	14.2
15 Aktiviti Kesihatan dan Kerja Sosial	3.6	2.0	5.7	3.3	1.7	5.3
16 Lain-lain Aktiviti Perkhidmatan	1.7	1.6	2.0	2.1	2.0	2.2
17 Aktiviti Isirumah sebagai Majikan	0.2	0.1	0.3	0.1	0.1	0.1
Penduduk Sementara	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
1 Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1.9	2.8	0.3	2.5	3.3	0.3
2 Perlombongan dan Pengkuarian	1.8	2.6	0.3	2.3	3.0	0.4
3 Pembuatan	7.2	7.6	6.4	9.1	10.2	6.5
4 Bekalan Elektrik, Gas, Air dan Lain-lain Aktiviti Industri	0.6	0.9	0.1	0.5	0.7	0.1
5 Pembinaan	23.6	36.5	1.8	21.9	29.7	2.3
6 Perdagangan Borong dan Runcit	15.2	17.3	11.5	18.7	20.2	15.0
7 Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan	9.0	8.1	10.4	10.6	9.6	13.2
8 Pengangkutan dan Perhubungan	2.1	2.8	1.0	2.2	2.8	0.7
9 Information and Communication	0.5	0.6	0.3	0.8	0.8	0.7
10 Aktiviti Kewangan dan Insuran	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.3
11 Aktiviti Hartanah dan Bisnes	0.1	0.1	0.1	0.3	0.3	0.2
12 Professional, Technical, Administrative and Support Services	5.5	7.3	2.5	6.9	7.4	5.7
13 Perkhidmatan Awam	2.3	3.1	1.0	3.2	3.9	1.6
14 Pendidikan	2.5	1.8	3.6	2.4	1.5	4.7
15 Aktiviti Kesihatan dan Kerja Sosial	0.9	0.7	1.4	1.3	0.8	2.4
16 Lain-lain Aktiviti Perkhidmatan	3.0	3.1	2.7	3.2	2.9	3.8
17 Aktiviti Isirumah sebagai Majikan	23.6	4.4	56.2	13.9	2.8	42.0



2.5 Sektor Pekerjaan


Secara keseluruhan, nisbah pekerjaan sektor awam kepada sektor swasta ialah kira-kira 30:70 pada tahun 2021. Sektor awam yang terdiri daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan awam meliputi sebanyak 68,993 orang (32.4 peratus) penduduk bekerja. Manakala, sektor swasta terdiri daripada syarikat-syarikat dan perniagaan swasta serta institusi lain termasuk isirumah adalah sebanyak 143,849 orang (67.6 peratus) **(Carta 2.8)**.

Daripada jumlah penduduk tempatan yang bekerja, sebanyak 56.0 peratus (84,420 orang) bekerja di sektor swasta dan selebihnya 44.0 peratus bekerja di sektor awam (66,236 orang). Daripada jumlah tersebut menunjukkan semakin ramai pekerja tempatan mengambil pekerjaan di sektor swasta, di mana bilangannya meningkat sebanyak 5.1 peratus setahun secara purata dari 50,447 orang pada tahun 2011 kepada 84,420 orang pada tahun 2021.

Dari perspektif lain, penduduk tempatan juga telah menggantikan pekerja asing dalam sektor swasta seperti yang dapat dilihat dari bilangan pekerja asing pada tahun 2021 berbanding tahun 2011 yang menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus setahun. Oleh itu, agihan pekerja asing menurun daripada 56.3 peratus pada 2011 kepada 41.3 peratus pada tahun 2021.



Carta 2.8: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut sektor pekerjaan dan taraf penduduk, 2021



2.6 Pendapatan dari Pekerjaan

Pada tahun 2021, purata pendapatan kasar bulanan dari pekerjaan adalah BND1,549 bagi setiap penduduk bekerja berbanding BND1,611 pada tahun 2011. Pekerja tempatan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi iaitu BND1,746 secara purata, berbanding BND1,071 untuk Penduduk Sementara.


Pendapatan kasar penengah dari pekerjaan adalah BND967, menunjukkan bahawa separuh daripada penduduk bekerja memperoleh pendapatan kurang daripada BND967 sebulan, manakala separuh lagi menerima lebih daripada BND967. Pendapatan penengah bagi pekerja tempatan dan asing adalah masing-masing BND1,167 dan BND550.



Taburan mengikut pendapatan bulanan menunjukkan bahawa pada tahun 2021, sebanyak 18.8 peratus daripada pekerja tempatan berpendapatan di bawah BND500. Kira-kira satu perempat (24.0 peratus) berpendapatan di antara BND1,000-1,999 sebulan, manakala 4.4 peratus memperolehi pendapatan bulanan sebanyak lebih dari BND5,000.

Sebaliknya, sebanyak 40.6 peratus daripada pekerja asing menerima pendapatan bulanan di antara BND500-999 dan 34.7 peratus mempunyai pendapatan bulanan di bawah BND500 (Carta 2.9).


Carta 2.9: Penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan pendapatan dan taraf penduduk, 2021





Seperti yang dijangka, penduduk yang bekerja dalam kumpulan tertinggi pekerjaan menerima pendapatan yang lebih, di mana pengurus dan pegawai kanan secara purata menerima BND3,748 sebulan, diikuti oleh profesional BND3,090. Sebaliknya, pekerja dalam pekerjaan asas memperoleh BND664 di kalangan pekerja tempatan dan BND505 bagi pekerja asing (Carta 2.10).

Carta 2.10: Purata pendapatan dari pekerjaan sebulan bagi penduduk bekerja 15 tahun dan ke atas mengikut pekerjaan dan taraf penduduk, 2021



2.7 Tempat Bekerja


Majoriti penduduk bekerja berumur 15 tahun dan ke atas bekerja di Daerah Brunei Muara (74.6 peratus atau 158,829 orang), tumpuan di kawasan Pusat Bandar, Kampung Jerudong, Kampung Pangkalan Gadong dan Kawasan Jabatan-Jabatan dan Perumahan Kerajaan. Ini diikuti 17.5 peratus bekerja di Daerah Belait terutamanya di kawasan Pekan Kuala Belait, Pekan Seria dan Kampung Panaga, 6.3 peratus bekerja di Daerah Tutong, di kawasan Bukit Bendera dan Kampung Penanjong dan 1.5 peratus di Daerah Temburong, di kawasan Pekan Bangar (Carta 2.11).



Daripada jumlah penduduk bekerja, sebanyak 88.3 peratus (188,004 orang) penduduk bekerja di daerah yang sama dengan daerah tempat tinggal mereka (*within district*). Penduduk yang tinggal dan bekerja di Daerah Brunei Muara mencatatkan agihan tertinggi iaitu sebanyak 78.1 peratus.

Selebihnya sebanyak 11.7 peratus (24,838 orang) adalah penduduk bekerja di luar daerah (*working outside districts*). Daripada jumlah tersebut, penduduk yang tinggal di Daerah Tutong tetapi bekerja di Daerah Brunei Muara adalah sebanyak (30.7 peratus), diikuti oleh penduduk yang tinggal di Daerah Brunei Muara dan bekerja di Daerah Belait (23.0 peratus) dan penduduk yang tinggal di Daerah Tutong dan bekerja di Daerah Belait (13.5 peratus).

Carta 2.11: Penduduk bekerja berumur 15 tahun dan ke atas mengikut tempat tinggal dan daerah tempat bekerja, 2021






2.8 Kaedah Pengangkutan ke Tempat Bekerja

Pada tahun 2021, kira-kira tiga perempat penduduk bekerja berumur 15 tahun dan ke atas yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bekerja (72.8 peratus atau 154,994 orang). Ini diikuti 10.0 peratus (21,312 orang) penduduk bekerja menumpang dengan orang lain yang tidak tinggal bersama dan 2.4 peratus (5,162 orang) menumpang dengan ahli keluarga atau isirumah yang tinggal bersama. Manakala, 0.7 peratus (1,422 orang) menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja seperti bas, teksi atau perahu tambang. Lain-lain (14.1 peratus) antaranya meliputi pengangkutan yang disediakan oleh majikan atau tidak memerlukan pengangkutan seperti pembantu rumah yang bekerja di rumah persendirian **(Carta 2.12)**.

Mengikut taraf penduduk, majoriti penduduk tempatan menggunakan kenderaan sendiri ke tempat kerja (90.3 peratus). Manakala, 43.9 peratus di kalangan Penduduk Sementara menggunakan lain-lain pengangkutan seperti pengangkutan yang disediakan oleh majikan, 30.4 peratus menggunakan kenderaan sendiri dan 17.2 peratus menumpang dengan isirumah yang tinggal bersama.



Carta 2.12: Penduduk bekerja berumur 15 tahun dan ke atas mengikut kaedah pengangkutan ke tempat bekerja dan taraf penduduk, 2021






3 Pengangguran

3.1 Profil Penduduk Menganggur

Pada tahun 2021, jumlah penduduk menganggur adalah sebanyak 11,086 orang berbanding dengan 18,815 orang pada 2011. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.0 peratus dalam tempoh 2011-2021 (**Carta 3.1**). Jumlah penganggur ini terdiri daripada 48.5 peratus (5,377 orang) lelaki dan 51.5 peratus (5,709 orang) perempuan.

Daripada jumlah penganggur, sebanyak 95.4 peratus (10,573 orang) adalah penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap) dan hanya 4.6 peratus (513 orang) Penduduk Sementara. Ini tidak menghairankan kerana kebanyakan Penduduk Sementara setentunya telah mendapat jaminan pekerjaan untuk memasuki negara ini. Bilangan kecil penganggur asing adalah terdiri dari tanggungan pekerja asing.


Carta 3.1: Penduduk menganggur 15 tahun dan ke atas mengikut jantina dan taraf penduduk, 1991-2021



Di kalangan penganggur tempatan, lebih daripada separuh (59.8 peratus atau 6,324 orang) berumur di antara 25-59 tahun (**Carta 3.2**). Manakala, penganggur tempatan berumur 15-24 tahun dan 60 tahun dan ke atas adalah masing-masing sebanyak 39.7 peratus (4,200 orang) dan 0.5 peratus (49 orang). Sebaliknya, bagi penganggur asing, kebanyakan adalah di kalangan mereka yang berumur 25-59 tahun (65.7 peratus atau 337 orang).



Carta 3.2: Penduduk menganggur 15 tahun dan ke atas mengikut taraf penduduk dan kumpulan umur, 2021






3.2 Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran iaitu agihan penduduk menganggur kepada jumlah tenaga kerja, menurun daripada 9.3 peratus pada tahun 2011 kepada 5.0 peratus pada tahun 2021 (**Carta 3.3**).

Corak kadar pengangguran adalah berbeza mengikut jantina dan umur. Pada tahun 2021, kadar pengangguran bagi perempuan adalah lebih tinggi pada 6.3 peratus, berbanding 4.0 peratus bagi lelaki. Kadar pengangguran bagi penduduk berumur 15-24 tahun (*youth unemployment rate*) adalah 16.6 peratus.

Carta 3.3: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur dan jantina, 2011 dan 2021






4 Di Luar Tenaga Kerja

4.1 Profil Penduduk Di Luar Tenaga Kerja

Pada tahun 2021, seramai 126,411 orang daripada jumlah penduduk kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas adalah penduduk di luar tenaga kerja, peningkatan sebanyak 3.2 peratus dalam tempoh 2011-2021 (**Carta 4.1**). Jumlah penduduk di luar tenaga kerja pada tahun 2021 adalah terdiri daripada 52,404 orang lelaki (41.5 peratus) dan 74,007 orang perempuan (58.5 peratus).


Carta 4.1: Penduduk di luar tenaga kerja 15 tahun dan ke atas mengikut jantina, 1991-2021



Di antara penduduk di luar tenaga kerja adalah mereka yang telah bersara atau sudah berusia, menyumbang bahagian terbesar sebanyak 35.8 peratus (45,203 orang) (**Carta 4.2**). Ini diikuti 29.8 peratus penuntut yang masih dalam pengajian atau menghadiri kursus (37,641 orang), 19.6 peratus mereka yang mempunyai tanggungjawab keluarga atau isirumah termasuk suri rumah (24,798 orang) dan 14.8 peratus lain-lain (18,769 orang).



Carta 4.2: Penduduk di luar tenaga kerja 15 tahun dan ke atas mengikut sebab tidak aktif, 2021




Taburan mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa 35.2 peratus (44,496 orang) daripada jumlah penduduk di luar tenaga kerja pada tahun 2021 adalah yang berumur antara 15-24 tahun, majoritinya adalah penuntut sepenuh masa (**Carta 4.3**).

Bagaimanapun, corak taburan umur berbeza mengikut jantina. Di kalangan perempuan, penduduk yang berumur 15-19 tahun dan 25-54 tahun masing-masing menyumbang sebanyak 19.3 peratus (14,297 orang) dan 32.7 peratus (24,166 orang), dan penduduk berumur 55 tahun dan ke atas mempunyai agihan sebanyak 36.3 peratus (26,860 orang). Sebaliknya, bagi lelaki, 41.1 peratus (21,515 orang) berumur 15-24 tahun dan 41.4 peratus (21,680 orang) berumur 55 tahun dan ke atas.



Carta 4.3: Penduduk di luar tenaga kerja 15 tahun dan ke atas mengikut kumpulan umur, 2021





Nota Teknikal

Pengenalan

Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) adalah satu projek pengumpulan data untuk menghitung bilangan penduduk dan juga isirumah dan tempat kediaman di sesebuah negara dan memberikan profil perangkaan penduduk dan isirumah.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengendalikan **Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021** bermula dari bulan Januari hingga Disember 2021. BPP 2021 ialah banci keenam seumpamanya dikendalikan di negara ini. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 1971, 1981, 1991, 2001 dan 2011. Pada tahun 2016, JPES telah mengendalikan Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016 bagi Negara Brunei Darussalam.

BPP 2021 dijalankan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Akta Banci mewajibkan orang ramai menjawab semua soalan banci dan menjamin bahawa maklumat individu adalah disimpan sulit dan dirahsiakan.

Objektif

Objektif utama BPP 2021 adalah untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah penduduk dan isirumah di negara ini serta ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi penduduk; dan untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah perumahan di negara ini dan ciri-ciri keadaan perumahan tersebut serta kemudahan-kemudahan isirumah.

Pendekatan dan Liputan Banci

Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 meliputi semua tempat kediaman dan keluarga atau isirumah di Negara Brunei Darussalam. Ia dilaksanakan secara *de jure*, di mana semua orang, sama ada Rakyat Negara Brunei Darussalam, Penduduk Tetap atau Penduduk Sementara, yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isirumah bagi tempoh 6 bulan atau lebih dalam tahun 2021, dihitng mengikut tempat tinggal biasa mereka.



Metodologi

Banci dilaksanakan dalam tiga peringkat:

i) Peringkat Pertama (Penyenaraian Tempat Kediaman):

Peringkat pertama dijalankan mulai 20 Januari hingga 21 Februari 2021. Semasa peringkat ini, semua tempat kediaman mengikut kampung atau kawasan, mukim dan daerah disenaraikan bagi memastikan liputan yang menyeluruh. Pegawai-pegawai banci yang dilantik telah mengunjungi tempat-tempat kediaman untuk mengumpulkan maklumat mengenai isirumah seperti nama dan nombor kad pengenalan ketua isirumah dan setiap ahli isirumah atau keluarga yang tinggal di rumah berkenaan. Pegawai banci juga memasang pelekat bagi setiap tempat kediaman.

ii) Peringkat Kedua (Pengendalian e-Census):

Peringkat kedua dijalankan mulai 20 April hingga 21 Julai 2021. Semasa peringkat ini, sistem e-Census telah diaktifkan untuk membolehkan orang ramai mengisi borangnya banci secara dalam talian (*online*). Maklumat terperinci bagi setiap ahli isirumah yang dikumpulkan di dalam peringkat ini ialah yang meliputi ciri-ciri peribadi seperti tarikh lahir, pendidikan dan pekerjaan.

iii) Peringkat Ketiga (Temuduga Isirumah):

Peringkat ketiga pada asalnya dirancang untuk dijalankan mulai 2 Ogos hingga 29 Ogos 2021. Berikutan situasi COVID-19 di negara ini, peringkat ketiga iaitu temuduga bersemuka telah disemak semula dan dilaksanakan mulai 1 November hingga 31 Disember 2021 melalui dua kaedah berikut:

1. Temuduga Melalui Telefon: Pegawai Banci yang dilantik menemuduga isirumah tanpa melawat tempat kediaman mereka. Ketua isirumah telah dihubungi untuk membuat temujanji sebelum temuduga telefon diadakan.
2. Pengisian borangnya banci secara dalam talian (*online*): Sistem e-Census hanya boleh diakses oleh isirumah yang mempunyai sambungan internet dan memilih untuk mengisi sendiri borangnya banci secara dalam talian (*online*), termasuk mengisi borangnya dalam bentuk *softcopy* dan dihantar melalui e-mel.



Konsep dan Definisi

Berikut ialah beberapa konsep dan definisi yang digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021:

Daerah:

Negara Brunei Darussalam dibahagikan kepada empat daerah iaitu Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Mukim:

Setiap daerah dibahagikan kepada beberapa mukim dan di dalam setiap mukim terdapat beberapa buah kampung. Biasanya setiap mukim diketuai oleh Penghulu dan setiap kampung diketuai oleh Ketua Kampung.

Kampung:

Setiap mukim dibahagikan kepada beberapa kampung dengan ketua kampung bagi setiap atau beberapa buah kampung bergantung kepada saiz kampung tersebut.

Kawasan Banci:

Kampung atau kawasan-kawasan di setiap mukim seterusnya dibahagikan kepada beberapa kawasan penghitungan. Setiap kawasan penghitungan ini terdiri daripada satu atau keseluruhan kampung atau tempat atau sebahagiannya. Setiap kampung atau tempat yang besar mungkin dibahagikan lagi kepada beberapa kawasan penghitungan.

Bandar dan Luar Bandar:

Kawasan bandar ditafsirkan sebagai kawasan-kawasan yang termasuk dalam kategori berikut:

- i) Kawasan Perbandaran Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria, Pekan Tutong dan Pekan Bangar; dan
- ii) Kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai dan mempunyai ciri-ciri kawasan bandar dan banyak bergantung kepada pekerjaan, pendidikan, hiburan dan kemudahan lain.

Kawasan-kawasan yang tidak memenuhi kriteria di atas dianggap sebagai kawasan luar bandar.



Tempat Kediaman:

Tempat kediaman adalah ditafsirkan sebagai sebuah bangunan atau sebahagian dari bangunan yang berasingan dan bebas yang digunakan atau akan digunakan oleh seorang atau lebih untuk tujuan kediaman tetap atau sementara.

Maksud berasingan ialah struktur bangunan itu secara fizikal dikelilingi atau dipisahkan oleh dinding, pagar dan lain-lain.

Maksud bebas ialah terdapatnya jalan keluar-masuk secara langsung ke unit perumahan tersebut dan penghuninya boleh masuk dan keluar ke unit perumahan itu tanpa melalui ruang kediaman orang lain.

Isirumah:

Isirumah atau keluarga terdiri daripada orang yang berkaitan atau orang yang tidak berkaitan yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukkan yang sama untuk makanan dan keperluan-keperluan hidup yang lain.

Isirumah dibahagikan kepada dua jenis:

- i) Isirumah Persendirian
- ii) Isirumah Institusi

Ketua Isirumah:

Ketua isirumah ialah orang yang pada amnya diakui oleh ahli-ahli yang lain sebagai ketua. Biasanya ketua isirumah ialah ahli isirumah yang tertua, berpendapatan terbesar dalam isirumah, pemilik rumah atau orang yang mengurus hal-ehwal isirumah berkenaan. Bagi isirumah yang terdiri daripada sekumpulan ahli yang tidak ada kaitan, maka ketua isirumah ialah orang yang selalu menguruskan hal-ehwal isirumah berkenaan atau orang yang bertanggungjawab untuk memberikan kenyataan ahli-ahli yang lain.

Isirumah tempatan ialah isirumah yang diketuai oleh Penduduk Tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap). Manakala, isirumah asing ialah isirumah yang diketuai oleh Penduduk Sementara.



Kadar Pertumbuhan Purata Penduduk Tahunan:

Kadar pertumbuhan purata penduduk tahunan dikira seperti berikut:

$$r = \frac{[\ln(\frac{P_{t+n}}{P_t})]}{n} \times 100$$

di mana

- r ialah kadar pertumbuhan purata penduduk tahunan
- n ialah bilangan tahun yang tepat di antara tahun t dan tahun t+n
- P_t ialah penduduk pada tahun t
- P_{t+n} ialah penduduk pada tahun t+n
- ln ialah logaritma asli

Taraf Penduduk:

Taraf penduduk ialah taraf orang berkenaan yang berhubungkait dengan undang-undang imigresen negara ini.

Kategori taraf penduduk ialah:

- i) Rakyat Brunei, iaitu pemegang kad pengenalan kuning Brunei Darussalam;
- ii) Penduduk Tetap, iaitu pemegang kad pengenalan ungu Brunei Darussalam; dan
- iii) Penduduk Sementara, iaitu pemegang kad pengenalan hijau Brunei Darussalam.

Umur Penengah (*Median*):

Umur penengah (*median*) bagi penduduk ialah umur yang membahagikan penduduk kepada dua kumpulan bersamaan saiz, di mana separuh dari jumlah penduduk adalah lebih muda dari umur ini, dan yang separuh lagi lebih tua.

Bangsa:

Melayu Brunei terdiri daripada penduduk yang terkandung di dalam puak asli bangsa Melayu iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut. Melayu lain merujuk kepada bangsa Melayu selain daripada Melayu Brunei.

Cina merujuk kepada penduduk dalam kumpulan etnik Cina, sementara lain-lain bangsa meliputi penduduk yang tidak termasuk di dalam kumpulan bangsa Melayu dan Cina.



Penduduk Bekerja:

Penduduk bekerja ialah penduduk berumur 15 tahun dan ke atas yang bekerja untuk upah atau keuntungan, atau bekerja tanpa gaji atau bayaran tetap di ladang atau perniagaan keluarga semasa minggu rujukan.

i) Bekerja Untuk Upah

- a) Bekerja untuk bayaran tunai sebagai upah atau gaji sama ada mengikut kadar kerja berdasarkan komisyen atau untuk 'tip'.
- b) Bekerja untuk upah atau dalam bentuk benda (misalnya makanan, tempat tinggal atau barangan runcit) sebagai ganti kepada pembayaran tunai.

ii) Bekerja Untuk Keuntungan

Bekerja untuk mendapatkan keuntungan atau bayaran dari kerja-kerja yang dilakukan dalam perniagaan atau di ladang-ladang sendiri.

iii) Bekerja Tanpa Gaji dalam Perniagaan Keluarga atau Ladang

Bekerja tanpa menerima upah atau bayaran tetap berbentuk wang dalam perniagaan keluarga atau ladang.

Aktif Mencari Kerja (Menganggur):

Penduduk aktif mencari kerja atau menganggur ialah penduduk berumur 15 tahun dan ke atas yang tidak bekerja dan tidak mempunyai pekerjaan semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari kerja untuk upah atau keuntungan, atau menunggu keputusan usaha-usaha mencari kerja yang telah dilakukannya.

Tidak Aktif dalam Ekonomi:

Penduduk tidak aktif dalam ekonomi (di luar tenaga kerja) ialah mereka yang tidak bekerja, tidak mempunyai pekerjaan dan tidak aktif mencari kerja semasa minggu rujukan.

Penduduk yang dikategorikan sebagai di luar tenaga kerja termasuk suri rumah, penuntut, pesara dan lain-lain seperti orang kelainan upaya.



Kadar Penyertaan Tenaga Kerja:

Kadar Penyertaan Tenaga Kerja ialah kadar penduduk aktif dalam ekonomi (tenaga kerja) kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas.

$$r = \frac{LF}{P} \times 100$$

di mana

- r ialah kadar penyertaan tenaga kerja
- LF ialah jumlah penduduk aktif dalam ekonomi (tenaga kerja)
- P ialah jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 tahun dan ke atas

Kadar Pengangguran:

Kadar Pengangguran ialah agihan jumlah penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk aktif dalam ekonomi (tenaga kerja) berumur 15 tahun dan ke atas.

$$l = \frac{U}{LF} \times 100$$

di mana

- l ialah kadar pengangguran
- U ialah jumlah penduduk menganggur
- LF ialah jumlah penduduk aktif dalam ekonomi (tenaga kerja) 15 tahun dan ke atas

Taraf Pekerjaan:

Taraf pekerjaan seseorang merujuk kepada kedudukan pekerjaan orang itu di tempat ia bekerja, seperti berikut:

i) Maiikan

Seorang yang menjalankan sendiri atau berkongsi perniagaan atau perusahaan dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja bergaji secara berterusan dalam menjalankan perusahaan itu.

ii) Pekerja

Seorang yang bekerja di jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat perusahaan/perniagaan atau badan-badan pertubuhan, termasuklah perusahaan keluarga dengan menerima gaji atau bayaran tetap.



iii) Bekerja sendiri

